



## SIARAN MEDIA

### PELANCARAN PAKEJ MEMBELI-BELAH 1MALAYSIA

KUCHING, 6 JULAI 2012 : YB Timbalan Menteri Pelancongan Malaysia Dato Dr. James Dawos Mamit telah menyempurnakan pelancaran Pakej Membeli-Belah 1Malaysia hari ini pada jam 8.00 malam di Kubah Ria dengan menyumpit belon untuk melepaskan replika Pakej Membeli-Belah 1Malaysia.

Pakej yang diadakan bersempena dengan Karnival Jualan Mega 1Malaysia yang berlangsung dari 15 Jun sehingga 2 September 2012 ialah hasil usaha dan kerjasama antara Pejabat Tourism Malaysia Sarawak dengan Pejabat Tourism Malaysia Selangor, Pulau Pinang dan Johor serta agensi-agensi pelancongan di negeri-negeri tersebut.

Pakej Membeli-Belah 1Malaysia ini dibangun untuk menggalakkan masyarakat setempat dan penduduk Kota Pontianak membeli-belah di dalam negara.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah perbelanjaan bagi komponen membeli-belah telah meningkat daripada 25.7% (RM 8.91 juta) pada tahun 2010 kepada 31% (RM 13.15 juta) pada tahun 2011.

Antara pakej-pakej yang dipromosikan ialah pakej 2 hari/1 malam seperti "Whoa! Jalan-Jalan @Sunway Pyramid", "Shop Till U Drop @Mutiara Damansara", "Shopping Package Penang" dan "Night Shopping in Johor Premium Outlet (JPO)" dengan harga bermula daripada serendah RM119.

Tourism Malaysia menyasarkan jualan sebanyak 5,000 pakej dengan hasil sebanyak RM 1 juta. Penjualan pakej adalah melalui 3 agensi pelancongan tempatan iaitu Inter-Continental Travel Centre Sdn. Bhd, Go Travel Holiday Sdn. Bhd dan Natol Holidays & Tours Sdn. Bhd. Maklumat lanjut berkenaan dengan pakej ini boleh

didapati dalam risalah yang diedarkan atau laman web rasmi  
[www.megasalespackages2012.com](http://www.megasalespackages2012.com).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Rizal Mas, ataupun Cik Sitinor Zuliawati Mohd Din, Pejabat Tourism Malaysia -Sarawak, di talian 082-246575 / 082-240370 atau emel [rizal@tourism.gov.my](mailto:rizal@tourism.gov.my) / [sitinozuliawati@tourism.gov.my](mailto:sitinozuliawati@tourism.gov.my).

---

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi dan Publisiti, Tourism Malaysia  
Tel: 03-8891 8000 Faks: 03-8891 8788  
E-mel: [mazita@tourism.gov.my](mailto:mazita@tourism.gov.my) Laman web: [www.tourismmalaysia.gov.my](http://www.tourismmalaysia.gov.my)  
Facebook: <http://www.facebook.com/friendofmalaysia>  
Twitter: <http://twitter.com/tourismmalaysia> Blog: <http://blog.tourism.gov.my>